

# Indonesia Dijangka Hantar Delegasi Besar ke AUPF 2013

Kehangatan Asian University Presidents Forum (AUPF) 2013 yang bakal berlangsung di Langkawi dan Perlis pada 6 hingga 9 Oktober 2013 kian terasa apabila Indonesia dijangka bakal menghantar delegasi besar ke forum berkenaan yang berlangsung selama empat hari.

Kehadiran lebih 25 Rektor dan pemimpin atasan universiti sekitar Medan ke majlis pertemuan dengan rakan-rakan strategik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang diadakan di Grand Swissbel Hotel bukan sahaja dapat menarik minat lebih ramai pemimpin-pemimpin atasan universiti di negara republik itu malah dapat mengeratkan hubungan strategik antara UniMAP dengan universiti-universiti di sini.

Majlis itu diadakan susulan daripada lawatan kerja delegasi dari UniMAP diketuai Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin ke Medan, Indonesia mulai 16 hingga 18 Ogos baru-baru ini sempena AUPF 2013. Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Konsul Muda Pejabat

Konsulat Jeneral Malaysia di Medan Nor Azhar Hajis. UniMAP telah terpilih bagi menjadi tuan rumah AUPF 2013 selepas berlangsungnya AUPF 2012 di Busan, Korea tahun lalu dijangka dapat menghimpunkan lebih 100 universiti di Asia dan merupakan kali pertama diadakan di Malaysia sejak diperkenalkan 11 tahun lepas di Guangdong University of Foreign Studies (GDUFS), China.

